

MAHATHIR-JALAN

1979
KUALA LUMPUR, 17 FEB. (BERNAMA) — KERAJAAN SEDANG MENJALANKAN KAJIAN-KAJIAN PERMULAAN UNTUK MEMBINA DAN MENGURUSKAN JALAN-JALAN TOL ANTARA BANDAR-BANDAR, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATUK MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA BUAT PERMULAAN JALAN-JALAN SERUPA ITU AKAN DIBINA DI SEPANJANG PANTAI BARAT NEGARA INI DAN DITAWARKAN KEPADA SEKTOR SWASTA SECARA +PACKAGE DEAL.+

INI BERERTI SEGALA URUSAN MEMBIAYAI, MEMBINA DAN MENYELENGGARA JALAN TERSEBUT SERTA TUGAS MENGUTIP TOL DIUSAHAKAN OLEH SYARIKAT SWASTA BERKENAAN.

BERUCAP KETIKA MERASMIKAN SIMPOSIUM MENGENAI KEMAJUAN LEBUHRAYA KEBANGSAAN DAN RANCANGAN RANCANGAN PEMBANGUNAN MASA DEPAN, BELIAU BERKATA 34 BATU DARI LEBUHRAYA SERUPA ITU SEDANG DIBINA DARI CHANGKAT JERING DEKAT TAIPING KE IPOH.

KATANYA WALAUPUN INI BUKAN MERUPAKAN SATU KONSEP BARU, IA DILAKSANAKAN BUAT PERTAMA KALI DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP LANGKAH SERUPA ITU AKAN MENGGALAKKAN SEKTOR SWASTA TAMPIL KE DEPAN UNTUK MEMBIAYAI PEMBINAAN DAN PENGURUSAN LEBUHRAYA DAN MENGURANGKAN PULA PERBELANJAAN DI PIHAK KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1134/LK

MAHATHIR-JALAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI MINAT YANG DITUNJUKKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BINAAN LUAR DAN JUGA TEMPATAN DALAM PROJEK-PROJEK SECARA +PACKAGE DEAL+ ITU SANGAT MENGGALAKKAN.

KATANYA, SATU DARI PERKARA PENTING KE ARAH KEMAJUAN EKONOMI DAN SOSIAL DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN IALAH ADANYA SATU SISTEM JALANRAYA YANG BAIK.

NEGARA SEPERTI MALAYSIA YANG EKONOMINYA SENTITIF TERHADAP PEMBINAAN JALANRAYA, KEKURANGAN PERBELANJAAN UNTUK MEMBINANYA BOLEH MELAMBAT ATAU MENJEJAS RANCANGAN-RANCANGAN LAIN DAN TERGUGATNYA EKONOMI.

KATANYA, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA PEMBINAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK JALANRAYA TERUS DIUTAMAKAN DARI SEGI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL NEGARA INI.

PERUNTUKAN PERMULAAN BAGI RANCANGAN JALANRAYA DI KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR IALAH \$107 JUTA TETAPI TELAH DITAMBAH KEPADA \$457 JUTA DALAM TAHUN 1977 DI BAWAH RANCANGAN PESAT PEMBINAAN JALAN-JALAN LUARBANDAR.

DENGAN ITU IALAH PERBELANJAAN UNTUK JALANRAYA DI BAWAH RANCANGAN ITU DARI TAHUN 1976 KE TAHUN 1980 IALAH \$1,340 JUTA, TAMBAHNYA.

— BERNAMA LK